

ADAT SOGIT: SEBUAH AMALAN KAUM KADAZANDUSUN

Sogit Custom: A Practice of The Kadazandusun People

Nurul Adawiya Binti Animbok¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

¹*nuruladawiya6@gmail.com*

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Adat sogit berbentuk warisan tak ketara kerana ia dapat diamati sebagai sebuah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui nilai-nilai adat serta budaya. Warisan itu sendiri dari segi istilah dapat difahami sebagai sesuatu yang berharga serta bernilai dan ia akan diwarisi oleh generasi terkemudian agar diamalkan secara berterusan. Hakikatnya, adat sogit merupakan sebuah adat yang sinonim bagi kaum Kadazandusun. Ia telah diamalkan sejak zaman pra-kolonial di Sabah dan sehingga kini adat ini masih diadaptasi dalam kehidupan mereka. Adat sogit membolehkan sebuah kesejahteraan bermasyarakat dapat diwujudkan selaras dengan fungsinya iaitu membentuk kawalan atau batas tingkah laku individu. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan amalan warisan adat ini kepada masyarakat luar. Kajian ini turut memperlihatkan isu serta cabaran yang timbul dalam pengamalan adat ini pada masa kini. Sebagai usaha penambakan amalan adat ini di masa hadapan, beberapa cadangan bagi tujuan pemantapan pengurusan sumber warisan ini juga dinyatakan.

Kata Kunci: Warisan, Adat Sogit, Kadazandusun

Abstract

Sogit custom is an intangible heritage because it can be observed as a knowledge and expertise interpreted through traditional and cultural values. The heritage itself in terms can be understood as something valuable and it will be inherited by future generations to be practiced continuously. In fact, the sogit custom synonymous custom for the Kadazandusun people. It has been practiced since pre-colonial times in

Sabah and until now this custom still adapted in their lives. The custom of sogit allows a social well-being to created in accordance with its function which is to form control or limits of individual behavior (Feaddora,2018:6). This article simd to highlight this traditional heritage practice to the community. This study also shows the issues and challenges that arise in the practice of this custom nowadays. As and effort to improve this traditional practice in future, some suggestions to strengthening the management of this heritage resources are also stated.

Keywords: Heritage, Sogit custom, Kadazandusun

Pengenalan

Adat sogit diiktiraf sebagai sebuah kod adat dan ia juga turut dikanunkan di bawah Mahkamah Anak Negeri (Syamsul Azizul, 2020: 623). Sebuah bentuk pampasan akan dikenakan kepada individu (Anak Negeri) berdasarkan peruntukan yang termaktub di dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri Sabah) 1995 (Pg. Ismail, 2018: 1). Keterikatan terhadap pengamalan adat ini dapat dilihat dalam kehidupan masyarakat kaum Kadazandusun itu sendiri. Oleh yang demikian, artikel ini mengupas mengenai pengamalan adat sogit bagi kaum ini disamping mengkaji sejauh mana kerelevanannya dapat turut diadaptasi oleh Anak Negeri yang lain di Sabah. Artikel ini juga bertujuan untuk mengangkat pengamalan adat sogit untuk dipromosikan kepada masyarakat lain bagi kelestarian kehidupan secara bersama (Syamsul Azizul, 2020: 623).

Adat Sogit dan Kadazandusun

Adat merupakan satu amalan lama yang disebarkan melalui lisan kepada satu generasi ke satu generasi seterusnya. Ia mula disampaikan melalui penceritaan lalu berkembang menjadi sebuah peraturan dan amalan dalam masyarakat, sekaligus telah mencorak cara hidup kumpulan peribumi. Adat akan dijadikan sebagai panduan bagi mengurus segala konflik yang berkaitan khususnya hubungan manusia dengan alam sekitar yang dianggap mempunyai kuasa ghaib (Jikat, 2021: 190).

Kadazandusun adalah merupakan kumpulan etnik peribumi Sabah yang terbesar dan kaya dengan khazanah warisan silam sama ada berbentuk legasi kebendaan ataupun yang bukan berbentuk kebendaan. Penempatan awal kaum ini dipercayai bermula dari sebuah kawasan yang dikenali sebagai *Nunuk Ragang* (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2021: 62). Pada masa kini, mereka hidup secara berselerak di Sabah tetapi kawasan petempatan utama mereka adalah Telupid, Ranau, Kota Belud, Kudat, Kota Kinabalu, Papar, Keningau, Penampang, Beaufort, Tuaran, Kiulu dan juga Tamparuli. Kadazandusun terkenal dengan nilai dan amalan tradisinya yang sehingga kini masih dipertahankan dan dilestarikan (Budi Anto Mohd Tamring, 2018: 94).

Hakikatnya, istilah penggunaan Kadazandusun telah menjadi satu isu politik dan menimbulkan permasalahan pada tahun 1970. Tokoh-tokoh politik dan sosial kaum masing-masing ingin mengekalkan samaada istilah Dusun atau Kadazan sahaja digunapakai (Haji Awg Asbol, 2011: 155). Dusun lebih sinonim sebagai masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman terutamanya Ranau dan Tambunan manakala Kadazan tertumpu di pinggir bandar terutamanya di Penampang dan Papar (Suraya Sintang, 2003: 60-62). Polemik istilah ini memakan masa lebih kurang 30 tahun tanpa penyelesaian namun tahun 1995 akhirnya membawa kepada persetujuan bahawa Kadazandusun adalah rujukan rasmi kaum mereka (Suraya Sintang, 2003: 61; Haji Awg Asbol, 2011).

Kehidupan awal kepercayaan kaum Kadazandusun adalah animisme dan Kinorohingan diakui sebagai Tuhan. Kepercayaan animisme menyebabkan mereka terikat dalam dua situasi kehidupan yang bertentangan. Pertama, Kadazandusun percaya bahawa Kinorohingan akan memberi keamanan hidup melalui nikmat rezeki pemberian alam. Kedua, Kadazandusun percaya bahawa makhluk jahat sentiasa mencari peluang untuk menimpakan malapetaka maka mereka sering ketakutan dan bimbang. Kadazandusun kemudiannya berusaha mematuhi segala pantang-larang serta adat-istiadat disamping mewujudkan hubungan baik dengan alam ghaib. Sehingga kini, konsep kepercayaan ini masih wujud dalam kehidupan masyarakat ini yang masih pagans serta sebahagian yang telah menganut Kristian mahupun Islam (Suraya Sintang, 2003: 63-64).

Sogit merupakan sebuah amalan masyarakat kaum Kadazandusun yang telah diwarisi secara turun temurun. Amalan ini sinonim dengan Kadazandusun kerana mereka dilihat lebih banyak terlibat dalam adat ini berbanding kaum lain. Ia telah diamalkan di negeri ini sejak sebelum kedatangan pengaruh Islam dan Kristian lagi. Oleh itu, ia umumnya dikenali sebagai salah satu kepercayaan dan pegangan masyarakat pagans di Sabah. Hukuman yang dikenakan kepada pelaku tidak boleh diingkari kerana dikatakan akan menyebabkan kemarahan kuasa ghaib pada alam yang akhirnya menyebabkan malapetaka (Syamsul Azizul, 2020: 9387-9388).

Tujuan utama adat ini adalah menenangkan keadaan selepas sesuatu yang tidak baik berlaku dalam masyarakat. Ia bukan sahaja membawa kepada kesejahteraan sesama manusia tetapi juga kepada alam ghaib (Sharifah Darmia, 2020:65). Denda adat serta penalti berdarah dianggap mampu mewujudkan batas perlakuan individu dalam kawalan tingkah laku dalam masyarakat. Oleh itu, mereka mengaplikasikan adat ini dalam setiap aspek kehidupan sejak dahulu lagi terutamanya yang tinggal di perkampungan.



Foto 1: Kerbau yang sering dijadikan *sogit*

Sumber: Daily Express (2014)

Sogit berasal daripada bahasa Kadazandusun yang bermaksud "sejuk". Konsep *sogit* ini dipercayai mula digunapakai setelah wujud hubungan yang erat diantara kaum ini dengan alam yang dianggap mempunyai kuasa ghaib. Kadazandusun menganggap kuasa ghaib itu

sebagai pelindung maka ia perlu dihormati. Sekiranya kuasa ghaib tersebut sedang *alasu* (panas) disebabkan berlakunya pelanggaran adat maka ritual *sogit* (sembelihan) perlu dilaksanakan untuk menyejukkannya. Binatang korban akan dipersembahkan kepada kuasa ghaib untuk mengembalikan keseimbangan alam. Haiwan yang sering dijadikan *sogit* bagi Kadazandusun Muslim adalah kerbau, lembu, sapi serta kambing manakala yang beragama Kristian kadangkala melibatkan babi (Mohammad Firdaus, 2022: 221-222). Perlaksanaan *sogit* secara tradisi melalui upacara yang khusus memperlihatkan peranan bobolian selaku individu yang arif dalam ilmu kerohanian untuk mengetuainya (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2021: 63).



Foto 2: Bobolian

Sumber: Borneo Post (1999)

Pada tahun 1881, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) telah menubuhkan Sistem Kehakiman Anak Negeri namun ketika itu secara tidak rasmi. Berdasarkan Perkara 9 Piagam Diraja, pihak SBBUB telah mengiktiraf setiap adat yang diamalkan oleh kumpulan etnik dan dianggap sebagai undang-undang. Menjelang tahun 1891, ketua-ketua kampung telah diiktiraf dan diperakui oleh SBBUB melalui pengisytiharan Undang-undang Pentadbiran Kampung yang akhirnya membawa kepada pelantikan Ketua Anak Negeri. Ketua Anak Negeri kemudiannya akan bertanggungjawab mengurus Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) dengan bantuan ketua kampung di setiap daerah Sabah. *Sogit* yang diperuntukkan dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Negeri Sabah) 1995

Nurul Adawiya Binti Animbok

adalah berbentuk pampasan dan ia dikenakan kepada pelaku sekiranya berlaku pelanggaran adat.

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, peranan sistem kehakiman Anak Negeri Sabah tetap dikekalkan dan menjadi sebahagian sistem perundangan negeri. Ia mendapat pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 16A yang membenarkan penggunaan dan pelaksanaan undang-undang adat anak negeri dan penubuhan MAN bagi Sabah dan Sarawak. Maka ia secara jelas menunjukkan bidang kuasa MAN jatuh dibawah bidang kuasa negeri. Kerajaan negeri Sabah mempunyai kuasa untuk menggubal dan melaksana segala undang-undang adat terhadap masyarakat peribumi di Sabah.

Kini, adat *sogit* masih dipraktikkan secara berterusan terutamanya di kalangan kaum Kadazandusun ini sendiri. Namun begitu, perkembangan kehidupan seperti hidup beragama telah membawa kepada perubahan dalam upacara *sogit* secara tradisional. Amalan ini telah dilaksanakan oleh ketua kampung dan denda adat yang dikenakan kepada pelaku adalah berbeza-beza berdasarkan jenis pelanggaran yang dilakukan. Sekiranya terdapat kes yang ingin dikendalikan di peringkat yang lebih tinggi maka ia akan dibawa ke Mahkamah Anak Negeri.

Berdasarkan peruntukkan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, terdapat tiga peringkat dalam MAN iaitu Mahkamah Anak Negeri (paling rendah), Mahkamah Anak Negeri Daerah dan Mahkamah Rayuan Anak Negeri. Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 telah memperuntukkan bidang kuasa MAN. Ia meliputi kes undang-undang atau adat anak negeri dari aspek agama, perkahwinan atau seksual, kes undang-undang atau adat berhubung pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, pengambilan anak angkat, penjagaan dan jagaan budak, nafkah tanggungan, hadiah dan perwarisan. Oleh itu, MAN mempunyai kuasa untuk mengenakan denda, menjatuhkan hukuman penjara atau kedua-duanya sekali kepada pesalah kes. Namun begitu, Undang-Undang ini hanya boleh terpakai terhadap masyarakat peribumi Sabah sahaja (Rafidah, 2019: 10-13).

Satu-satu kesalahan yang dikenakan *sogit* adalah berlainan dari segi kadar yang dikenakan. Semakin tinggi pelanggaran maka semakin tinggi kadar *sogit* yang dikenakan. Serendah-rendah *sogit*

yang dikenakan adalah seekor ayam ataupun garam manakala seberat-berat *sogit* adalah 20 ekor kerbau. Seksyen (9) Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1995) telah menghadkan bidang kuasa MAN dengan tidak membenarkan amaun denda yang dikenakan melebihi penganan amaun dalam undang-undang persekutuan. Sebagai contoh, terdapat beberapa jenis *Sogit* yang diamalkan oleh masyarakat kaum Kadazandusun di Ranau pada peringkat kampung dan MAN. Ia termasuklah *sogit* sumbang, *sogit* kemaluan, *sogit* Koimanan, *sogit* Kosoguluanan, *sogit* Lapau dan *sogit* mencemarkan sumber air (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2022: 109-114).

Jenis Sogit	Penerangan
<i>Sogit</i> Sumbang	<ul style="list-style-type: none"> • Dikenakan kepada individu yang melakukan persetubuhan tanpa ikatan yang sah. • Sogit ini adalah yang paling berat (Menyalahi norma semua agama dan memberi impak buruk terhadap komuniti masyarakat) • Peruntukan asal sogit ini adalah pelaku akan dihalau dari kampung dengan diikat dan dihanyutkan di sungai dengan sebuah rakit tanpa pendayung. Anak daripada perbuatan sumbang itu juga akan wajib dibunuh. • Dalam konteks ini, Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1995) memperuntukkan (Bahagian III) Kesalahan Seksual, (No.10) (1): Pelaku dikenakan dua ekor sogit kepada pihak terkilan; membayar satu ekor <i>sogit</i> kepanasan kampung; denda RM1,500 ATAU penjara enam bulan
<i>Sogit</i> Kemaluan	<ul style="list-style-type: none"> • Denda malu yang dikenakan kepada individu yang memalukan individu lain disebabkan ucapan, tindakan atau seumpamanya. • Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VI) Salah Tingkah Laku, (No.35): Pelaku dikenakan satu ekor ternakan atau benda lain yang senilai dengannya mengikut adat.
<i>Sogit</i> Koimanan	<ul style="list-style-type: none"> • Denda yang dikenakan kepada individu yang tidak menepati janji atau perjanjian yang pada awalnya telah bersetujui secara saksama. • Sekiranya individu yang melanggar melanggar perjanjian tersebut melakukannya tanpa sebab yang munasabah dan tidak dipersetujui pihak yang dimungkirkan maka dia akan dikenakan sogit dibawah

	<p>jenis ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VII) (No.53): Pelaku dikenakan pembayaran <i>sogit</i> dalam bentuk pampasan iaitu 20 peratus daripada jumlah nilai yang telah dipersetujui sejak awal.
<i>Sogit Kosoguluanan</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda yang dikenakan kepada pihak pengantin lelaki yang mengawini perempuan yang telah langkah bendul. • Tujuannya adalah untuk menjaga air muka kakak atau abang pengantin perempuan yang masih belum berkahwin. • Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian IV) (No.23): Pelaku dikenakan satu ekor <i>sogit</i> yang perlu diberikan kepada setiap saudara kandung pihak perempuan yang belum lagi berkahwin.
<i>Sogit Lapau</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda yang dikenakan kepada individu melakukan poligami dalam perkahwinan (kahwin besar). • Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) menyatakan bahawa ia adalah satu amalan yang melanggar adat istiadat anak negeri maka <i>sogit</i> yang dikenakan bagi kesalahan ini adalah agak berat. <ul style="list-style-type: none"> a) Satu ekor ternakan sebagai <i>sogit</i> kepada isteri pertama. b) Satu ekor ternakan sebagai <i>sogit</i> kepada setiap seorang anak hasil daripada perkahwinan dengan isteri pertama (anak angkat tidak termasuk). c) Sekiranya poligami berulang, kadar <i>sogit</i> lapau akan digandakan sebanyak dua kali nilai daripada <i>sogit</i> lapau yang pertama kepada isteri dan anak-anaknya.
<i>Sogit Mencemarkan sumber air</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Denda yang dikenakan kepada individu yang melakukan pencemaran alam sekitar. • Kadazandusun sinonim dengan alam sekitar maka pencemaran yang dilakukan oleh individu lain dianggap tidak bersyukur dengan pengorbanan Dewi Huminodun (Penyelamat nyawa nenek moyang masyarakat Kadazandusun daripada musim kemarau yang sangat teruk). • Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VI) (No.40): <ul style="list-style-type: none"> a) Pelaku dikenakan satu ekor <i>sogit</i> kepada setiap kampung yang terjejas (sekiranya ada 10

	kampung maka 10 ekor perlu dibayar) b) Setiap sogit tersebut perlu diserahkan kepada ketua kampung bagi kampung yang terlibat. Ia akan disembelih oleh ketua kampung dan dagingnya akan diagihkan kepada setiap ketua keluarga yang menetap di kampung tersebut.
--	---

Masyarakat kaum Kadazandusun percaya bahawa denda yang tidak dilunaskan menyebabkan pelaku hidup dengan tidak tenteram. *Sogit* adalah sebuah bentuk tanda maaf kepada penduduk kampung serta semangat atau roh-roh padi. Hakikatnya, *sogit* bukan dikenakan untuk mengaut keuntungan namun ia lebih berbentuk ganti rugi. Berbeza dengan sistem kehakiman sivil, denda adat yang dikenakan perlulah diberi kepada pihak yang terkilan atau yang wajar dan bukannya kepada pihak kerajaan. Hukuman adat ini dilihat sebagai sebuah instrumen perdamaian terhadap pihak yang terkilan dengan pemberian pampasan (Rafidah, 2019: 16-17).

Isu dan Cabaran Adat Sogit

Antara isu dan cabaran adat sogit adalah timbulnya tanggapan yang meragui kerelevannya terutamanya dari segi perspektif islam. Ia tertumpu kepada Kaedah Undang-Undang Adat Mahkamah Anak Negeri (1995) yang melibatkan penalti adat berdarah yang diadaptasi dalam amalan sogit seperti *sogit* kepanasan kampung (Mohammad Firdaus, 2022: 221-222). Ia adalah satu kesalahan yang serius kerana melibatkan kes zina dan sumbang. Kesalahan itu dianggap telah mencemarkan sesebuah kampung yang akan menyebabkan berlakunya malapetaka seperti banjir, kemarau, ketidaksuburan tanaman serta penyebaran wabak berjangkit (Salbiya, 2016: 186-187). Menurut perspektif hukum Islam, tindakan sogit (sembelihan) yang dilakukan selain kerana Allah dianggap khurafat dan dilaknat. Oleh itu, perkara ini menimbulkan isu terutamanya apabila ia diaplikasikan kepada anak negeri beragama islam. Amalan ini dianggap melanggar dengan akidah islam dan tergolong dalam antara perbuatan syirik. Maka, ia dianggap adat fasid yang tidak boleh dijadikan sumber hukum (Pg Ismail, 2018: 12-15).

Seterusnya, isu dan cabaran yang dihadapi adalah perubahan pandangan mengenai kesesuaian amalan adat sogit ini untuk diadaptasikan. Hakikatnya, manusia tidak mampu lari dari kenyataan bahawa proses kemajuan mempengaruhi mobiliti hidup masyarakat setempat. Maka, masyarakat telah menghasilkan tanggapan baru terutamanya selepas mereka menganut agama seperti Kristian dan Islam. Apabila berlaku percanggahan terhadap kepercayaan lama dengan agama anutan baru maka akan timbul sebuah persepsi baru untuk merubah amalan sebelum ini.

Kurangnya pengamatan dan minat generasi muda terhadap amalan adat sogit juga adalah antara isu dan cabaran yang dihadapi. Punca perkara ini berlaku disebabkan tumpuan minat generasi muda kini lebih terarah kepada pengaruh budaya luar berbanding budaya tradisi tempatan mereka sendiri. Kawasan petempatan juga tidak dinafikan antara punca yang membawa kepada permasalahan ini berlaku. Penduduk yang menetap di kawasan bandar dilihat lebih mudah untuk meninggalkan dan melupakan pengamalan adat ini berbanding penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Sekiranya perkara ini tidak dikawal maka adat yang diwarisi sejak dahulu ini berkemungkinan besar akan ditelan zaman (Feaddora, 2018: 3-4)

Pengekalan Warisan Sogit

Selepas *Village Administration Ordinance 1913* diperkenal, banyak MAN telah ditubuhkan di setiap daerah melalui pengendalian Ketua Anak Negeri dengan bantuan ketua-ketua kampung. Tujuan penubuhannya adalah untuk membicarakan dan memutuskan segala perkara yang berkaitan undang-undang adat seperti sogit. Pengurusan adat sogit ini juga dapat dilihat melalui tindakan mewujudkan jawatan Ketua Anak Negeri sebagai ketua masyarakat peribumi yang berpengaruh. Usaha tersebut membolehkan usaha pengurusan adat peribumi ini dijaga dan dipelihara demi keharmonian sejagat. Tidak dinafikan, sehingga kini peribumi Sabah masih lagi mengamalkan adat yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Sekiranya berlaku pelanggaran adat maka kes itu akan dibicarakan di MAN dengan berpandukan bidang kuasa yang dimilikinya (Rafidah, 2019: 10, Mosli Tarsat, 2009).

Dalam pengamalan adat sogit bagi kaum Kadazandusun, kaedah pengurusan yang telah dilaksanakan juga adalah melalui pembahagian pengendalian adat tersebut seperti peringkat kampung dan peringkat

MAN. Ia adalah sebagai satu usaha untuk memastikan pengamalan adat sogit dapat terus dilestarikan di kalangan Anak Negeri Sabah terutamanya bagi kaum Kadazandusun. Dari segi pelaksanaan adat sogit, ia dibahagikan kepada dua pengendalian iaitu melalui ketua kampung di peringkat kampung/rendah dan MAN di peringkat lebih tinggi. Oleh yang demikian, segala penentuan denda atau sogit yang dikenakan akan disesuaikan mengikut jenis pelanggaran yang dilakukan pelaku (Feaddora, 2018: 7).

Cadangan dan Langkah

Berdasarkan perbincangan, terdapat beberapa cadangan dan langkah yang ingin dikemukakan bagi memastikan amalan adat sogit ini tetap dapat dipelihara di masa akan datang. Dengan mengambil kira terhadap faktor-faktor atau punca yang membawa kepada isu dan cabaran dalam adat sogit maka beberapa pendekatan pengurusan sumber warisan bagi adat ini perlu dilakukan. Ia meliputi langkah yang tertumpu kepada perlindungan dan pemuliharaan adat sogit.

Melalui langkah perlindungan, pendekatan kerja yang dapat diusahakan dalam langkah ini adalah dengan penyelidikan dan pendokumentasian. Pihak bekerpentingan yang terlibat dan menerima kesan terhadap sebarang pelaksanaan proses tindakan pengurusan sumber warisan ini adalah institusi penyelidikan. Pihak ini bukan sahaja berperanan penting untuk menyebarkan maklumat berkaitan pengetahuan amalan adat sogit namun juga akan turut sama terlibat dalam usaha penyelidikan terhadap warisan ini. Hasilnya, sebuah penerangan yang lebih jelas terhadap amalan adat ini pada peringkat akademik dan awam dapat dikecapi. Pada tahun 2015, satu kejadian gempa bumi berlaku di Sabah dan ia berpusat di Gunung Kinabalu. Masyarakat kaum Kadazandusun percaya bahawa kejadian tersebut merupakan reaksi kemarahan semangat atau dewa penjaga Gunung Kinabalu. Hal ini berikutan berlakunya tindakan tidak senonoh sekumpulan pelancong asing di atas Gunung Kinabalu iaitu berbogel. Beberapa minggu selepas itu, sekumpulan pemimpin adat masyarakat telah melakukan upacara "menenangkan" semangat dengan menyembelih beberapa ekor haiwan ternakan untuk dijadikan korban. Lantaran itu, upacara yang dijalankan tersebut menimbulkan persoalan dan pelbagai reaksi di laman sosial mengenai kewajarannya yang dirasakan bertentangan dengan syariat Islam. Namun begitu, Tan Sri

Pairin Kitingan yang ketika itu selaku Timbalan Ketua Menteri Sabah telah menjelaskan bahawa ia adalah satu adat dan kepercayaan tradisi masyarakat pagan Kadazandusun iaitu adat sogit (Pg Ismail Pg Musa, 2018: 2). Melalui penyelidikan dan pendokumentasian, sesuatu budaya tetap dapat diperkembangkan sekaligus identiti pengamal adat ini tetap dapat diterima oleh masyarakat luar yang mungkin belum memahami atau terdedah dengan amalan adat masyarakat Kadazandusun ini.

Cadangan dan langkah yang seterusnya adalah melalui pemuliharaan, iaitu melalui pendekatan penyesuaigunaan semula. Dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Anak Negeri) 1995, terdapat pelbagai jenis denda yang dikenakan kepada pelaku mengikut pelanggaran adat yang telah diperuntukkan. Melihat dalam konteks penganutan agama penduduk di Sabah, Islam adalah agama majoriti negeri. Tambahan lagi, masyarakat kaum Kadazandusun juga adalah antara penyumbang terhadap populasi Muslim tersebut. Denda adat yang dilihat masih jelas kukuh elemen spiritualnya berbanding denda adat lain adalah sogit kepanasan kampung. Pelaku yang dikenakan jenis denda ini perlu memberikan binatang sogit kepada ketua kampung untuk disembelih dan seterusnya diagihkan dalam majlis khas. Tujuannya untuk menjauhkan malapetaka terhadap penduduk kampung dan menyejukkan kampung tersebut. Jelasnya, penyembelihan tersebut dilakukan bukan kerana Allah ataupun bagi tujuan ibadah. Maka, sogit kepanasan kampung tidak bertepatan dengan akidah Islam kerana mengandungi elemen syirik dan dianggap sebagai adat fasid. Pejabat Mufti Negeri Sabah perlu menjelaskan kepada masyarakat mengenai pengamalan adat ini di MAN dan hukumnya jika dikenakan kepada anak negeri yang beragama Islam. Oleh itu, cadangan terhadap permasalahan ini adalah MAN perlu mewujudkan satu Kaedah yang khusus bagi pelaku yang beragama Islam yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan akidah Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengamalan adat sogit bagi kaum Kadazandusun merupakan sebuah peraturan hidup yang telah menjadi kebiasaan dalam cara hidup mereka. Ia diwarisi daripada nenek moyang terdahulu lagi sehingga ia diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Tujuannya adalah untuk memastikan adat sogit tetap terus diamalkan dan tidak ditelan zaman. Kesannya, adat sogit yang dipegang tersebut telah membentuk sebuah identiti budaya bagi kaum

Kadazandusun itu sendiri. Namun begitu, peredaran masa telah mengakibatkan perubahan dari segi amalan yang dipegang. Meskipun berlaku perubahan dari segi cara amalannya pada masa kini namun ia bukanlah bermaksud pengkhianatan terhadap warisan nenek moyang. Pengamalan adat sogit masih dapat diterapkan dalam cara hidup masyarakat terutamanya Kadazandusun sekiranya ia tidak bertentangan dengan ajaran agama yang mereka anuti pada masa kini (Afiratul Adawiyah, 2020: 163-171). Dalam konteks pengamalannya dalam masyarakat moden di Sabah pada masa kini, sogit dianggap sebagai satu instrumen perdamaian (Pg Ismail, 2018: 6). Oleh itu, ia tidak dinafikan merupakan salah satu cara untuk menjaga kemaslahatan dan keharmonian Anak Negeri di Sabah terutamanya bagi kaum Kadazandusun.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Sebuah Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. *MANU*, (27), 93-120.
- Darimbang, J.B. (2021). Pendekatan Keseimbangan dan Keadilan dalam Undang- Undang Adat Masyarakat Kimaragang di Sabah, Malaysia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*,7(1),187-210.
- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2011). Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Malaya.
- Jamaluddin, J. (2016). Penubuhan Mahkamah Anak Negeri Sabah: Bidang Kuasa dan Sumbangannya kepada Anak Negeri 1884-2009. (Tesis Sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Firdaus Hasmin., Syamsul Azizul Marinsah., & Suraya Sintang. (2022). Amalan Sogit Masyarakat Dusun di Sabah Dalam Menghadapi Musibah Kematian: Analisis Perspektif Islam. *Journal of Islamic*, 7(47), 220-233.
- Mosli Tarsat. (2009). Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah. *SOSIOHUMANIKA*, 2(2), 227-252.
- Pg Ismail Pg Musa. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Negeri Sabah yang Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari

Nurul Adawiya Binti Animbok

- Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, (19), 1-17.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, (18), 59-80.
- Syamsul Azizul Marinsah., Abdul Hair Beddu Asis., & Mohammad Firdaus Bin Hasmin. (2022). Amalan Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun di Ranau, Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya dan Hukum Islam. *MANU*, 33(2), 105-128.
- Syamsul Azizul Marinsah., Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin., Abang Mohd Razif Abang Muis., & Irma Wani Othman. (2021). Amalan Sogit Dalam Masyarakat Kadazandusun di Kampung Tuarid Liawan Keningau Sabah: Analisis Terhadap Perubahan Pengamalan Ritual. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 61-72.